

13 MAY 1996
Mahathir-Teleport
DUNIA LEBIH ADIL DENGAN RANGKAIAN MAKLUMAT SEJAGAT

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Perkongsian maklumat dan pengetahuan menerusi rangkaian sejagat akan mewujudkan sebuah dunia yang lebih adil dan hidup yang lebih berkualiti kepada umat manusia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Teknologi maklumat, apabila dikongsi lebih meluas, boleh menghasilkan tahap sinergi yang lebih tinggi antara masyarakat sejagat untuk menyelesaikan isu-isu peringkat nasional dan antarabangsa.

"Potensi besar bagi pembentukan masyarakat sejagat yang dirangkaikan ini hendaklah digunakan dalam pembentukan masyarakat satu dunia yang mementingkan kualiti hidup untuk semua," kata Perdana Menteri Malaysia itu ketika berucap pada perhimpunan agung Persatuan Teleport Sedunia (WTA) yang ke-12 di Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo di sini.

Perhimpunan itu dihadiri oleh 1,000 peserta.

Bagaimanapun, perkongsian seumpama itu boleh berlaku hanya jika tidak terdapat sekatan yang dibuat sendiri sama ada oleh kerajaan atau sektor swasta untuk menghalang pengaliran bebas maklumat atau untuk menghubungkan mereka dengan isu-isu politik dan ekonomi, kata Dr Mahathir.

Beliau juga menggesa negara-negara sedang membangun dan kurang maju agar bersikap berani untuk menyertai pembentukan masyarakat yang kaya dengan maklumat kerana kewujudan infrastruktur maklumat merupakan satu-satunya cara untuk melipat-gandakan proses pembangunan dan mengejar orang lain.

"Saya yakin penuh negara-negara sedang membangun dan kurang maju mestilah menganggap penyertaan dalam usaha sejagat bagi membentuk Masyarakat Maklumat sebagai satu keperluan kerana ia akan membuka peluang bagi pencapaian yang berlipat ganda dalam pembangunan teknologi," katanya.

Peralihan paradigme bagi negara-negara seumpama itu bagaimanapun, memerlukan bantuan daripada negara-negara kaya memandangkan banyaknya halangan seperti kewangan, guna tenga terlatih dan teknologi maju.

Dr Mahathir berkata pada pihak lain teknologi maklumat boleh membesarkan lagi ketidakseimbangan sosial apabila negara-negara miskin mungkin kehilangan peluang mereka untuk mendapatkan sebahagian daripada faedahnya walaupun dalam negara mereka sendiri. Ini kerana syarikat-syarikat telekomunikasi besar negara maju telahpun merebut sebahagian besar rangkaian di seluruh dunia.

Bagaimanapun, beliau optimistik bahawa dengan panduan yang teratur, teknologi maklumat boleh merapatkan jurang "antara yang berada dengan yang tidak berada".

Umpamanya, perkhidmatan sosial berdasarkan teknologi maklumat seperti teleubat, pembelajaran jarak jauh dan pemberian perkhidmatan menerusi rangkaian itu boleh digunakan untuk membawa masyarakat miskin dan mundur ke dalam arus utama pembangunan sosial dan ekonomi.

Negara kurang maju dan pengguna boleh mendapat faedah daripada kos penyelidikan dan pengeluaran yang lebih rendah dengan mendapatkan pengetahuan, bahan dan barangan daripada sumber yang terbaik dan murah.

Dr Mahathir berkata globalisasi perdagangan dan perindustrian akan bergerak pantas seiring dengan kemajuan dalam teknologi maklumat dan pada masa akan datang, ciri penentuan sama ada sesebuah negara itu kaya atau miskin mungkin dinilai kepada kemudahan perolehi sumber maklumat dan penggunaannya, bukan kepada kekayaan ekonomi atau perindustrian.

Dr Mahathir juga menghuraikan komitmen Malaysia untuk menjadi sebuah

masyarakat maklumat sejagat dan mengutarakan pembentukan Koridor Super Multimedia (MSC) yang akan menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, Putrajaya, pusat pentadbiran baru Malaysia dan ibu negara Kuala Lumpur.

"Ia akan menjadi nadi untuk membawa negara berhadapan dengan cabaran sebuah masyarakat yang kaya dengan maklumat," kata Dr Mahathir.

Dengan adanya perkakasan dan perisian maklumat terbaru, MSC akan menjadi sebuah teleport, katanya.

Pelabur asing dan tempatan boleh menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk memasuki pasaran baru muncul Asia Pasifik dengan MSC manakala sebuah Perbadanan Pembangunan Multimedia akan memberi kemudahan bagi pelaburan secara terus dalam projek-projek itu, katanya.

Malaysia sedang menimbang satu konsep teleport untuk Putrajaya dan jika ini menjadi kenyataan, ia akan menjadi negara kedua di Asia selepas Jepun yang menggunakan revolusi telekomunikasi ini.

Teleport ialah satu kemudahan bersepadu yang menyediakan kemudahan telekomunikasi maju dengan cepat dan selesa menerusi satelit, optik gentian, gelombang mikro dan rangkaian lain.

Dr Mahathir kemudian melawat Pertunjukan Perniagaan Tokyo '96, pameran pejabat, maklumat dan komunikasi Jepun yang terbesar yang akan dirasmikan esok.

Beliau juga melawat Bangunan Teleport Tokyo yang, seperti juga Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo, terletak dalam Bandar Teleport Tokyo yang baru, sebuah bandar bersepadu yang dibina di atas tanah tebus guna di pertengahan Tokyo Bay.

Jepun juga mempunyai teleport di Osaka dan Yokohama. -- BERNAMA

TCL CR NMO